



12 Mac 2025
12 March 2025
P.U. (A) 78

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS (LEMBAGA
PENASIHAT FRANCAIS) (SARAAN ANGGOTA) 2025

*FRANCHISE (FRANCHISE ADVISORY BOARD)
(MEMBERS' REMUNERATION) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FRANCAIS 1998

PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS (LEMBAGA PENASIHAT FRANCAIS)
(SARAAN ANGGOTA) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(4) dan seksyen 60 Akta Francais 1998 [*Akta 590*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Francais (Lembaga Penasihat Francais) (Saraan Anggota) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 13 Mac 2025.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota Lembaga” ertinya anggota Lembaga Penasihat Francais yang dilantik di bawah seksyen 35 Akta;

“Lembaga” ertinya Lembaga Penasihat Francais yang ditubuhkan di bawah seksyen 35 Akta;

“mesyuarat” ertinya apa-apa mesyuarat, perbincangan, lawatan atau bengkel, yang diadakan tidak kurang daripada dua jam bagi maksud menjalankan fungsi Lembaga menurut subseksyen 36(1) Akta;

“saraan” ertinya apa-apa elaun atau kemudahan kewangan yang boleh diterima oleh atau dibayar kepada anggota Lembaga menurut subseksyen 35(4) Akta bagi apa-apa perbelanjaan bagi menghadiri mesyuarat dan termasuklah apa-apa perbelanjaan bagi makanan dan minuman, penginapan, tiket penerbangan atau tuntutan perjalanan.

Mesyuarat Lembaga

3. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun.

(2) Satu pertiga daripada bilangan anggota Lembaga hendaklah membentuk korum, termasuklah Pengerusi.

Saraan

4. (1) Anggota Lembaga yang menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika anggota Lembaga yang dilantik merupakan seorang pegawai awam, pembayaran apa-apa saraan berhubung dengan apa-apa elaun hendaklah dibuat mengikut pekeliling perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa.

JADUAL

[Peraturan 5]

KADAR SARAAN (ELAUN DAN KEMUDAHAN)

1. Elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat yang dihadiri oleh anggota Lembaga ialah RM1,000.00
2. Bayaran kemudahan penginapan, tuntutan perjalanan dan tiket penerbangan bagi setiap anggota Lembaga adalah sebagaimana yang berikut:
 - A. Mesyuarat yang diadakan di Semenanjung Malaysia:

Perkara	Kadar
Penginapan hotel mengikut kadar sebenar (bilik biasa/lojing)	RM70.00 semalam

Perkara	Kadar
Tuntutan perjalanan	(a) RM0.85/km bagi 500km yang pertama (b) RM0.75/km bagi 501km dan ke atas
Tiket penerbangan	Perjalanan domestik: Kelas Ekonomi menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau melalui tuntutan bayaran balik yang dibuat kepada Kementerian

- B. Mesyuarat yang diadakan di Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan:

Perkara	Kadar
Penginapan hotel mengikut kadar sebenar (bilik biasa/lojing)	RM75.00 semalam
Tiket penerbangan	Perjalanan domestik atau luar negara: Kelas Ekonomi menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau melalui tuntutan bayaran balik yang dibuat kepada Kementerian

Dibuat 4 Mac 2025
[MEDAC.600-2/8/2 (22); PN(PU2)603/JLD.4]

DATUK EWON BENEDICK
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

FRANCHISE ACT 1998

FRANCHISE (FRANCHISE ADVISORY BOARD) (MEMBERS' REMUNERATION)
REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 35(4) and section 60 of the Franchise Act 1998 [*Act 590*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Franchise (Franchise Advisory Board) (Members' Remuneration) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into force on 13 March 2025.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“members of the Board” means the members of the Franchise Advisory Board appointed under section 35 of the Act;

“Board” means the Franchise Advisory Board established under section 35 of the Act;

“meeting” means any meeting, discussion, visit or workshop, held not less than two hours for the purpose of exercising the functions of the Board pursuant to subsection 36(1) of the Act;

“remuneration” means any allowance or financial facilities that may be acceptable by or paid to the members of the Board pursuant to subsection 35(4) of the Act for any expenses to attend meeting and includes any expenses for food and beverages, accommodation, flight ticket or travel claim.

Meeting of the Board

3. (1) The Board shall meet at least once a year.

(2) One third of the numbers of the members of the Board shall form a quorum, including the Chairman.

Remuneration

4. (1) The members of the Board who attended the meeting of the Board shall be paid any remuneration as specified in the Schedule.

(2) Notwithstanding subregulation (1), where the member of the Board appointed is a public officer, the payment of any remuneration in relation to any allowance shall be made in accordance with the service circular for the time being in force.

SCHEDULE

[Regulation 5]

REMUNERATION RATES (ALLOWANCES AND FACILITIES)

1. Allowance for each meeting attended by members of the Board is RM1,000.00.
2. Payment for accommodation, traveling claims and air tickets facilities for each member of the Board are as follows:
 - A. Meeting held in Peninsular Malaysia:

Matters	Rate
Hotel accommodation based on actual rates (standard room/lodging)	RM70.00 per night

Matters	Rate
Travelling claim	(a) RM0.85/km for the first 500km (b) RM0.75/km for the 501km and above
Air ticket	Domestic trip: Economy Class using the Public Service Air Travel Warrant (WPUA) or through reimbursement claim made to the Ministry

B. Meeting held in Sabah, Sarawak and Federal Territory of Labuan:

Matters	Rate
Hotel accommodation based on actual rates (standard room/lodging)	RM75.00 per night
Air ticket	Domestic trip or international travel: Economy Class using the Public Service Air Travel Warrant (WPUA) or through reimbursement claim made to the Ministry

Made 4 March 2025
[MEDAC.600-2/8/2 (22); PN(PU2)603/JLD.4]

DATUK EWON BENEDICK
Minister of Entrepreneur and Cooperatives Development